

Headline **Roselin diberi penghormatan sertai forum dunia**
Date **08 Sep 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **v7**
Article Size **257 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **11,322**
PRValue **33,966**



Roselin diberi penghormatan sertai forum dunia

Oleh Ihsan Noorzali

bhvarsiti@bharian.com.my

WAKIL Malaysia, Roselin Sandai diberi penghormatan menyertai Forum Dunia Penjagaan dan Pendidikan Awal 2011 kali ke-9 yang berlangsung di Honolulu, Hawaii, baru-baru ini.

Roselin yang juga pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dipilih bersama sembilan lagi wakil negara Delegasi Forum Dunia 2011 dan beliau turut diberi tanggungjawab sebagai Duta Dunia Emeritus Forum.

Pembabitannya dalam forum itu bermula menerusi kerjasama secara talian bersama Jawatankuasa Pembangunan Kurikulum Global, World Forum Foundation sejak Mei tahun lalu yang dianggotai 41 ahli dari Eropah, Asia, Australia, New Zealand dan Afrika.

Roselin berkata, peserta didedahkan dengan kurikulum pendidikan awal kanak-kanak dalam persekitaran yang pelbagai dan prinsip

kurikulum yang boleh digunakan sebagai garis panduan bagi membangunkan kurikulum awal kanak-kanak di mana-mana bahagian dunia.

"Pada forum itu, saya membincangkan usul mengenai pembelajaran melalui seni kreatif dari aspek budaya Iban yang boleh disepadukan ke dalam bidang asas pembelajaran membaca dan mengira," katanya.

Beliau berkata, kemuncak forum menyaksikan wanita pertama negara Belize, Kim Simplis Barrow membincangkan topik mewujudkan pelan tindakan kebangsaan untuk melabur dalam keluarga dan kanak-kanak.

Sakena Yacoobe dari Afghanistan pula mengupas topik kemiskinan dan kanak-kanak yang memberi tumpuan kepada isu berkaitan perjuangan di kalangan wanita di Afghanistan terhadap masa depan kanak-kanak yang hidup kemiskinan.

Katanya, forum itu menyedarkan betapa tanggungjawab masyarakat dunia terhadap kanak-kanak tanpa mengira latar belakang bangsa

sekali gus membawa mesej betapa pentingnya kesepaduan rakyat seluruh negara mendidik kanak-kanak sebagai generasi lebih baik dengan mendapat peluang pendidikan.

Roselin berkata, pelantikannya sebagai perwakilan Forum Dunia 2011 adalah satu penghormatan kepada Malaysia selain berpeluang mengambil bahagian dalam protokol

Headline **Roselin diberi penghormatan sertai forum dunia**
Date **08 Sep 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **v7**
Article Size **257 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **11,322**
PRValue **33,966**

'Hawaian Traditional' semasa majlis pembukaan Forum," katanya.

Forum itu disertai kira-kira 850 peserta daripada 73 negara yang membincangkan pelbagai persoalan dan penajaan berkualiti serta pendidikan awal kepada anak-anak muda dalam persekitaran yang pelbagai.

Sebanyak 72 sesi pembentangan kertas kerja berlangsung membabitkan pelbagai isu berkaitan pendidikan awal kanak-kanak seperti kurikulum, teknologi dan kanak-kanak, Orang Asli, keperluan khas kanak-kanak, dasar kebangsaan, literasi, alam dan seni kreatif, kanak-kanak dan HIV/Aids, guru pendidikan, pembangunan keamanan dan hak kanak-kanak.

Berempena dengan forum itu, peserta juga menyertai lawatan sambil belajar ke 20 pusat pembelajaran dan pendidikan awal kanak-kanak di Honolulu, Pameran Kesenian Kanak-kanak Antarabangsa, International Dance, Kumpulan Projek serta Bursa Buku.

Sebelum ini, Roselin pernah menghadiri forum sama di Singapura sebagai peserta pada 2000, sete-

rusnya Athens (2001) untuk Forum Dunia ke-3 dan pada 2007 beliau dijemput membentangkan kertas kerja serta membuat persembahan tarian pada majlis penutup Forum Dunia ke-7 di Kuala Lumpur.

"Ketika di Kuala Lumpur, saya membawa 21 mahasiswa Universiti Malaysia Sarawak mempersembahkan tarian etnik Sarawak selain diberi tanggungjawab sebagai Emeritus Duta Dunia Forum dengan menjadi mentor, mewujudkan kemungkinan rangkaian dan bekerja untuk menyelesaikan cabaran," katanya.



ROSELIN (kiri) menjadi panel membincangkan topik Pembelajaran Melalui Seni Kreatif bersama panel dari Bolivia, di Honolulu, Hawaii.